

Ulasan Buku / *Book Review*

Akademika 88(3) 2018

Malaysia di Persada Antarabangsa

Oleh Ratnaria Wahid, Rusdi Omar, Hamidi Ismail dan Tuan Pah Rokiah Syed Hussain (editor) Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 2018.

ISBN 978-983-49-0724-2

Buku *Malaysia Di Persada Antarabangsa* merupakan koleksi artikel yang ditulis oleh sarjana Nusantara khususnya dari Malaysia. Buku ini mengandungi tiga bahagian iaitu, Bahagian 1 – Hubungan Luar Malaysia, Bahagian 2 – Kerjasama Malaysia Dengan Negara Luar Dalam Pelbagai Aspek dan Bahagian 3 – Malaysia Dalam Konteks Pemantapan Dalam Negara. Buku ini mengandungi dua belas bab, ditulis oleh Rusdi Omar & Mas Juliana Mukhtaruddin, Mashitah Mohd Udin, Muhammad Afifi Abdul Razak, Asrar Omar & Bakri Mat, Che Mohd Aziz Yaacob, Ratnaria Wahid, Ahmad Bashawir Abdul Ghani & Farid Aswan Ismail, Zarina Othman, Khaliza Saidin, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Mohamad Faisol Keling, Mohamad Hanapi Mohamad & Mohd Na'eim Ajis, Nazariah Osman dan Hamidi Ismail.

Menerusi bab *Hubungan Dua Hala Malaysia – Singapura Era Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak* ditulis oleh Rusdi Omar dan Mas Juliana Mukhtaruddin menghujahkan berkenaan kepentingan menjalinkan hubungan yang baik antara Malaysia dan Singapura. Perkara ini dapat mengeratkan hubungan kebergantungan antara kedua-dua negara walaupun terdapat isu-isu yang berbangkit. Faktor kepimpinan memainkan peranan yang penting dalam menentukan hala tuju hubungan sesebuah negara. Ini kerana, idea yang diutarakan oleh pemimpin dapat mengelak atau menyelesaikan sesuatu konflik. Hubungan Malaysia dan Singapura dikatakan unik dan simbiotik kerana masing-masing memerlukan antara satu sama lain. Terdapat pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kedua-dua negara bagi memastikan hubungan terus kekal.

Manakala bab yang ditulis oleh Mashitah Mohd Udin melalui tajuk *Dasar Luar Malaysia Semasa Era Tun Abdullah Ahmad Badawi* pula membincangkan berkenaan pendekatan dasar luar Tun Abdullah Ahmad Badawi. Hal ini kerana terdapat perbezaan dalam konteks dasar luar seseorang pemimpin. Teras utama dasar luar Malaysia mengutamakan kepentingan nasional, kerjasama serantau yang melibatkan ekonomi, politik, sosial dan keselamatan. Pada era pemerintahan Tun Abdullah Ahmad Badawi, beliau lebih memfokuskan praktis diplomasi dalam penyelesaian sesuatu konflik yang melibatkan Malaysia dan negara luar sama ada di peringkat rantau atau antarabangsa.

Seterusnya bab *Penglibatan Malaysia Dalam Misi Pengaman PBB Sejak Tahun 1960-An: Satu Tinjauan Umum* oleh Muhammad Afifi Abdul Razak, Asrar Omar dan Bakri Mat mengkaji peranan dan sumbangan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa (PBB). Malaysia sering memainkan peranan sebagai perantara dalam membantu negara-negara yang mempunyai konflik. Walaupun terdapat cabaran yang perlu dihadapi, namun hal ini tidak menghalang Malaysia dari terus memberikan sumbangan di peringkat antarabangsa.

Bab seterusnya adalah berkaitan dengan *Konflik Patani: Keberkesanan Transformasi konteks Ke Arah Perdamaian* oleh Che Mohd Aziz Yaacob. Penulis memperincikan kaedah yang diambil oleh Malaysia sebagai perantara dalam mengurus konflik yang berlaku di Pattani, Thailand. Dengan mengambil contoh pengalaman sebagai perantara bagi konflik di Mindanao. Kedua-dua konflik tersebut melibatkan keselamatan sempadan negara dan status agama Islam dalam konflik keganasan.

Bab *Negara Islam Dan Barat Pascaperistiwa 9/11: Hubungan Dua Hala Malaysia – Amerika Syarikat* oleh Mas Juliana Mukhtaruddin, Rusdi Omar dan Ratnaria Wahid mendebatkan pandangan Barat terhadap negara-negara Islam di Dunia. Persepsi masyarakat dunia terhadap Islam menjadi salah satu cabaran besar kepada negara Islam. Hal ini kerana media Barat sering menggambarkan bahawa umat Islam paling kerap melakukan kekacauan, fanatik, tidak rasional, primitive dan gemar kepada peperangan. Oleh itu, Malaysia sentiasa berusaha memainkan peranan dalam memastikan agama Islam dianggap sebagai agama yang membawa kepada keamanan sejagat.

Bagi bab *Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA): Manfaat Dan Risiko* oleh Ahmad Bashawir Abdul Ghani dan Farid Aswan Ismail mengkaji kesan positif dan negatif sekiranya Perjanjian Perkongsian Trans - Pasifik (TPPA) terhadap Malaysia. Penulis turut membahaskan kesan TPPA terhadap kemajuan ekonomi negara dan hubungkait dengan kesejahteraan rakyat secara inklusif.

Bab berikutnya iaitu *Kerjasama Serantau Menangani Isu Ancaman Sekuriti Makanan Di Asia Tenggara: Perspektif Malaysia* oleh Bakri Mat, Zarina Othman dan Ratnaria Wahid menghujahkan berkenaan isu ancaman sekuriti makanan yang melibatkan institusi antarabangsa dan inisiatif yang perlu diambil Malaysia. Hal ini bagi memastikan kemantapan kerjasama sekuriti makanan pada peringkat Asia Tenggara menerusi platform ASEAN.

Bab *Perlindungan Harta Intelek Di Malaysia: Mengikut Perkembangan Atau Sekadar Menurut Telunjuk Amerika Syarikat* oleh Ratnaria Wahid, Bakri Mat dan Khaliza Saidin mengulas faktor globalisasi dalam meningkatkan kemajuan

teknologi maklumat. Isu dibincangkan berkenaan tekanan yang diterima daripada negara-negara maju terutamanya Amerika Syarikat untuk melaksanakan system tersebut. Namun, persoalan utama yang menjadi pertimbangan dalam melaksanakannya ialah jurang ekonomi antara golongan rakyat. Hal ini kerana, hasrat Malaysia adalah untuk membolehkan kesemua golongan masyarakat menerima kamajuan yang seimbang dan saksama.

Artikel *Kerjasama Masyarakat Antarabangsa Membantu Negara Menghadapi Bencana Banjir* oleh Tuan Pah Rokiah Syed Hussain meneliti penglibatan Malaysia dalam memberikan bantuan kepada masyarakat antarabangsa terutamanya tragedi bencana alam. Pelbagai usaha dan kerjasama diberikan oleh kerajaan Malaysia kepada masyarakat antarabangsa bagi mengatasi fenomena bencana alam. Situasi ini bukan sahaja bagi meringankan beban mangsa malah juga dapat memberikan imej yang baik kepada negara.

Bab berikutnya pula adalah *Dasar Pertahanan Negara* oleh Mohamad Faisal Keling, Mohamad Hanapi Mohamad dan Mohd Na'eim Ajis. Para penulis membincangkan pendekatan yang diambil Malaysia dalam memastikan keamanan dan kestabilan negara dapat dikekalkan melalui pembentukan kerangka dasar pertahanan Malaysia. Menerusi dasar tersebut penekanan dibuat menerusi aspek kepentingan strategik negara, prinsip pertahanan dan konsep pertahanan. Hal ini bagi memastikan negara sentiasa bersedia dalam menghadapi ancaman dari luar mahupun dalaman.

Dalam bab *Pembangunan Prinsip Berdikari Dalam Pertahanan Negara* oleh Mohamad Faisal Keling, Mohamad Hanapi Mohamad dan Nazariah Osman, penulis menilai kerangka dasar pertahanan berdikari Malaysia diamalkan sejak 1970 dalam menangani pelbagai ancaman dan memperkukuhkan kedudukan keselamatan negara.

Menerusi bab yang terakhir *Hasrat Dunia Membentuk Hasrat Negara: Inisiatif Pengkomersialan Produk Bercirikan Teknologi Hijau Di Malaysia* oleh Hamidi Ismail mengkaji berkenaan perkembangan pesat dalam pembangunan telah mendorong berlakunya masalah pencemaran alam sekitar. Keadaan ini dianggap sebagai salah satu punca meningkatnya masalah kesihatan kepada masyarakat. Peranan Malaysia adalah penting dalam mencegah berlakunya peningkatan masalah kesihatan hasil pembangunan yang dianggap 'tidak seimbang'. Penulis juga ada mencadangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan Malaysia seperti memperketatkan undang-undang berkaitan bagi membolehkan pembangunan terus berlangsung tanpa menjejaskan kualiti hidup rakyat.

Umumnya, buku ini adalah satu hasil karya antara yang terbaik pernah dihasilkan. Buku ini bukan sahaja dihasilkan oleh sarjana-sarjana tempatan malah melibatkan gabungan idea dan pengalaman para penulis dalam mendalami isu yang dikaji. Walau bagaimanapun buku ini masih boleh diperbaiki mutunya dari segi data yang telah diperolehi oleh penyumbang artikel. Hal ini kerana, terdapat data yang tidak terkini digunakan dalam kajian. Justeru, bagi cetakan seterusnya, mungkin para penulis boleh mempertimbangkan untuk memaparkan data-data yang lebih terkini. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, buku ini boleh dijadikan antara buku rasmi bagi pelajar-pelajar bidang Hubungan Antarabangsa dan rujukan penggubal dasar serta masyarakat umum.

Aini Fatimah Roslam
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Keselamatan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: ainifatimah@yahoo.com

Muhammad Kamil Kharazzi Roslam
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Keselamatan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: mkamilkharazzirosalam@gmail.com